

## Pertembungan Budaya dalam Novel Melati Sarawak: Satu Analisis

DILAH TUAH\*

Faculty of Education, Language and Communication, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan,  
Sarawak, Malaysia

\*Corresponding authors: tdilah@unimas.my

### ABSTRAK

Melati Sarawak merupakan sebuah novel Melayu Sarawak kedua tertua, selepas Hikayat Panglima Nikosa yang terbit pada tahun 1876 di Kuching. Novel ini ditulis oleh Muhammad Rakawi Yusuf pada tahun 1932 yang memaparkan kehidupan masyarakat Melayu Sarawak pada awal abad ke-20 yang masih dijajah oleh keluarga Brooke. Tujuan penelitian ini adalah untuk menganalisis pertembungan budaya yang terdapat dalam novel Melati Sarawak khususnya antara budaya tempatan dengan budaya barat. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya pertembungan budaya dalam novel ini iaitu dari aspek permainan gendang Melayu, kepercayaan animisme, pengaruh bahasa Inggeris, pendidikan moden, dan gaya hidup masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Pengarang menggunakan novel ini sebagai medium untuk menyuarakan kritikan terhadap budaya suka berhibur serta kelemahan masyarakat Melayu Sarawak dalam bidang pendidikan. Novel ini penting sebagai penanda aras kepada status dan kedudukan masyarakat Melayu Sarawak pada era pasca Malaysia.

Kata kunci: Melati Sarawak, novel, budaya, Melayu Sarawak, karya sastrera

## Clash of Cultures in the Melati Sarawak Novel: An Analysis

### ABSTRACT

Melati Sarawak is the second oldest Sarawak Malay novel, following Hikayat Panglima Nikosa, published in 1876 in Kuching, written by Muhammad Rakawi Yusuf in 1932. It portrays the life of the Sarawak Malay society in the early 20th century under the colonial rule of the Brooke family. The purpose of this study is to analyze the clash of cultures depicted in the novel, especially the conflicts between local and Western cultures. The findings reveal the existence of a clash of cultures within the novel, including Malay drum performances, animistic beliefs, the influence of the English language, modern education, and the lifestyle of Malay society at the time. The author employs the novel as a medium to voice criticism of the lackadaisical attitude and the weaknesses of Malay society in Sarawak when pursuing education. This novel is significant as a benchmark for understanding the status and position of Sarawak Malay society in post-Malaysia.

Keywords: Melati Sarawak, novel, culture, Sarawak Malay, literary work

Copyright: This is an open access article distributed under the terms of the CC-BY-NC-SA (Creative Commons Attribution-NonCommercial-ShareAlike 4.0 International License) which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, for non-commercial purposes, provided the original work of the author(s) is properly cited.

### PENGENALAN

Karya sastrera merupakan sebuah rakaman peristiwa atau cerminan realiti kehidupan yang dijelmakan semula oleh pengarang dalam bentuk naratif kreatif. Proses pengkaryaan bermula dari sebuah renungan yang tajam atau daripada kutipan pengalaman hidup yang panjang, sebelum ia dipaparkan dalam pelbagai dimensi dan sudut pandang yang berbeza. Selain itu, setiap pengarang mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri dalam berkarya serta bertindak sebagai perakam zaman. Justeru tidak hairanlah karya sastrera muncul sebagai medium ampuh dalam merakam keadaan sesuatu zaman atau masyarakat secara deskriptif dan analitikal. Melalui karya sastrera, khalayak pembaca juga dapat melihat pertumbuhan sosial, politik, budaya dan sejarah sesebuah masyarakat secara meluas. Peranan karya sastrera sebagai perakam zaman telah akui oleh John (1959) yang mengatakan bahawa pembaca dan pengkaji sastrera akan dapat mengetahui pergolakan yang berlaku dalam masyarakat Indonesia berpandukan novel-novel tertentu. Antaranya, novel *Sitti Nurbaja* (1922) karya Marah Rusli, *Belenggu* karya Armijn Pane (1938) dan *Atheis* karya Achdiat Karta Mihardja (1949) yang memperlihatkan unsur-unsur pertembungan adat dan budaya dalam masyarakat Indonesia.

Selain karya sastra dari Indonesia yang memaparkan isu-isu pergolakan dalam masyarakat, sebuah novel dari Borneo turut memaparkan pertembungan budaya antara budaya tempatan dengan barat yang berlaku dalam masyarakat Melayu Sarawak di Kuching pada awal abad ke-20 Masihi. Novel *Melati Sarawak* (1932) karya Muhammad Rakawi Yusuf memaparkan pertembungan budaya yang signifikan, namun pengarang tidak sepenuhnya menolak budaya barat yang lebih mengutamakan pendidikan. Sebaliknya, pengarang berkonflik dengan salah satu kesenian Melayu Sarawak yang terkenal iaitu budaya ‘bermukun’ yang dikatakan banyak merosakkan orang Melayu ketika itu. Sehubungan itu, bertitik tolak daripada isu sosiobudaya yang dibawa oleh Muhammad Rakawi Yusuf tentang cara hidup, sudut pandangan serta pengamalan budaya masyarakat Melayu Sarawak dalam novel *Melati Sarawak*, maka penelitian ini akan membahaskan pertembungan budaya yang terdapat di dalam novel tersebut. Dalam membahaskan isu pertembungan budaya antara budaya Melayu-Islam dan barat, perbincangan ini akan meneliti dari kedua-dua sisi iaitu dari sudut kebaikan dan keburukan.

## SOROTAN LITERATUR

Penelitian yang membahaskan novel *Melati Sarawak* sebagai korpus ilmu telah dikupas secara tuntas oleh Thomas (1976) dengan judul *The first Sarawak novel: Melati Sarawak* yang diterbitkan di *Sarawak Museum Journal*. Dalam kupasan Thomas (1976), jelas memperlihatkan bahawa institusi budaya yang ingin diperbetulkan oleh pengarang ialah permainan ‘gendang perempuan’ yang dianggap banyak melalaikan orang Melayu Sarawak pada ketika itu. Selain itu, kajian Achie (1999) yang membincangkan pemikiran Rakawi Yusuf dengan rujukan khusus terhadap novel *Melati Sarawak* turut menyentuh tentang bahaya gendang Melayu yang ditentang oleh pengarangnya kerana menjerumuskan pemuda-pemudi kepada ‘perbuatan yang cemar yang tiada disukai oleh pergaulan hidup dan dikutuki oleh syariah’. Di samping itu, penelitian Achie (1999) turut menyentuh tentang kepentingan ilmu dan pendidikan, pendidikan anak-anak, golongan perabangan, kaya harta miskin Islam, sikap kaum bapa, penularan pengaruh barat, sikap pemuda, pemudi berhias, sikap negatif, kepercayaan karut, golongan terpelajar Melayu, dan kelemahan ekonomi masyarakat Melayu di Sarawak. Daripada kupasan kritis yang telah dikemukakan oleh Achie (1999), jelas memperlihatkan ketegasan Muhammad Rakawi Yusuf dalam mengkritik kelemahan bangsanya secara jujur, lantang dan berani. Pun begitu pada masa yang sama beliau turut mengemukakan saranan untuk mengatasi kelemahan bangsanya.


Beden (2022) menganalisis konteks peristiwa bahasa *Melati Sarawak* dengan mengaplikasikan pola kombinasi maksim Leech (1983) & Grice (1975). Tujuan kajian ini untuk menganalisis penggunaan pola kesopanan berbahasa dalam peristiwa bahasa berdasarkan Model Pola Kombinasi Maksim Umum (MPKMU). Walaupun kajian ini lebih menjurus kepada analisis penggunaan bahasa yang terdapat di dalam novel *Melati Sarawak*, namun secara tidak langsung turut menyentuh tentang budaya kesantunan berbahasa yang digunakan oleh watak (orang Melayu Sarawak) dalam novel tersebut. Selain itu, terdapat beberapa penelitian yang turut menyentuh tentang novel *Melati Sarawak* secara tidak langsung, antaranya kajian Awang Pawi (2010), yang membincangkan aspek transformasi sosial dalam *magnum opus* Borneo (termasuk novel *Melati Sarawak*). Begitu juga dengan penelitian Juki (2018) yang meninjau aspek pemikiran etika dalam pantun Melayu Sarawak yang turut memasukkan isu budaya Melayu Sarawak yang menjadi sindiran menerusi novel *Melati Sarawak* kerana menjadikan hiburan sebagai jerat dan jalan maksiat.

Berpandukan ulasan kosa ilmu di atas, jelas isu pertembungan budaya dalam novel *Melati Sarawak* masih belum dikupas secara tuntas. Justeru, perbincangan ini akan menelusuri isu-isu pertembungan budaya yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel *Melati Sarawak*. Tujuannya adalah untuk memberi penilaian semula tentang aspek budaya yang wujud ketika novel tersebut dihasilkan dengan keadaan semasa di Sarawak.

## KERANGKA KONSEPTUAL

Pertembungan budaya ialah konflik yang timbul daripada interaksi masyarakat yang mempunyai nilai budaya yang berbeza (Sundram, 2014). Dalam penelitian sastra, terdapat banyak penelitian yang membahaskan pertembungan budaya dalam karya sastra antaranya Bibi et al. (2021) yang meneliti pertembungan budaya dalam *The Reluctant Fundamentalist* karya Mohsin Hamid dari perspektif pasca kolonial. Madhavan et al. (2019) pula menganalisis kesan pertembungan budaya dan orientasi semula budaya dalam novel *Brick Lane* karya Monica Ali, yang padat dengan tema pertukaran budaya, anjakan, perubahan dan kesinambungan, keanehan serta kebiasaan yang dihadapi oleh watak yang hidup dalam dunia yang kompleks dan berbilang budaya. Hal yang sama juga ditemui dalam tulisan Chunyan (2017) yang meneliti kesan pertembungan budaya dalam novel *The Portrait of a Lady* karya Henry James. Dapatan daripada penelitian tersebut menunjukkan bahawa pertembungan budaya Amerika dan budaya Eropah mendorong Isabel membuat pilihan yang salah dalam perkahwinannya. Atas tindakan tersebut, Isabel melalui kehidupan perkahwinan yang tragis pada beberapa tahap tertentu.

Selain itu, terdapat sebuah lagi karya Henry James yang turut dikupas menggunakan pendekatan pertembungan budaya iaitu novel *Daisy Miller* oleh Wulandari (2018) dalam tesis sarjananya yang berjudul *Cultural Clash in James' Daisy Miller*. Dapatan kajian menunjukkan wujudnya kesan pertembungan budaya antara budaya Amerika dan Eropah yang disebabkan oleh watak mempertahankan budaya Amerikanya semasa berada dalam persekitaran budaya Eropah. Daripada empat penelitian di atas, dapat dirumuskan bahawa tiada satu daripada penelitian-penelitian ini mengemukakan kerangka teoretikal yang menjurus kepada pertembungan budaya. Corak analisis data lebih memfokuskan kepada kaedah struktural yang hanya membahaskan kesan pertembungan budaya dalam karya sastera yang dikaji. Justeru dalam kajian ini, kerangka konseptual pertembungan budaya dalam novel Melati Sarawak adalah seperti pada Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1.** Kerangka konseptual pertembungan budaya dalam novel Melati Sarawak

Berpandukan rajah 1 di atas, pertembungan budaya dalam novel Melati Sarawak melibatkan budaya barat dengan budaya tempatan. Peresapan budaya barat ke dalam cara hidup masyarakat Melayu Sarawak, merupakan kesan langsung daripada pemerintahan keluarga Brooke sejak tahun 1841 sehingga 1946. Antara pengaruh budaya yang ketara ialah penggunaan bahasa Inggeris, pendidikan sekular dan gaya hidup. Manakala dalam budaya tempatan pula terdapat aspek kebudayaan iaitu gendang Melayu Sarawak, kepercayaan khurafat dan agama Islam. Kesemua elemen budaya ini akan dianalisis dan dibincangkan dari sisi pertembungan budaya bagi mengenal pasti mesej, nilai dan pengajaran yang ingin disampaikan oleh pengarang.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini berlandaskan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks. Menurut George (2008) kajian perpustakaan merupakan teknik pengumpulan data dengan mempelajari dan memahami data yang mempunyai kaitan rapat dengan masalah yang dikaji iaitu daripada buku, teori, nota dan sebagainya. Kaedah kepustakaan juga merupakan salah satu bentuk inkuiri berstruktur yang menggunakan alat, peraturan dan teknik yang khusus. Kaedah ini penting dalam membantu penyelidik untuk mendapatkan sumber rujukan yang berkaitan dengan teori, pendekatan dan bahan kajian itu sendiri. Dalam konteks kajian ini, bahan kajian merupakan sebuah novel yang terbit pada tahun 1932 dan hanya dapat dirujuk di Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. Bagi kaedah analisis teks pula, kaedah ini mencakupi pemilihan dan analisis teks berpandukan kerangka konseptual pertembungan budaya. Kaedah analisis teks sastera pernah diaplikasikan oleh Md Yusoff at al. (2020) dalam meneliti teks *Hikayat Abdullah*; Beden (2019) yang membincangkan novel-novel Jong Chian Lai; dan Tuah (2022) yang menganalisis teks cerita rakyat di Sarawak. Berpandukan perbincangan di atas, jelas kaedah yang digunakan dalam kajian ini sememangnya sesuai dengan matlamat kajian, iaitu menganalisis pertembungan budaya yang terdapat dalam novel Melati Sarawak khususnya antara budaya tempatan dengan budaya barat.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan aspek pertembungan budaya yang dipaparkan oleh pengarang dalam novel Melati Sarawak. Aspek yang dianalisis mencakupi pertembungan budaya tempatan dan budaya barat, ke atas masyarakat Melayu Sarawak pada awal tahun 1930-an.

### Pertembungan Budaya Tempatan

Pertembungan budaya tempatan merujuk kepada konflik budaya antara budaya tradisional dengan ajaran Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu Sarawak. Salah satu pertembungan budaya tempatan yang menimbulkan konflik budaya ialah permainan gendang Melayu Sarawak. Dalam novel *Melati Sarawak*, persembahan gendang Melayu Sarawak dikenali sebagai permainan ‘gendang perempuan’. Kesenian ini merupakan aspek budaya Melayu Sarawak yang ditentang oleh Muhammad Rakawi Yusuf dalam novelnya sebagai sebuah persembahan kesenian yang merosakkan akhlak golongan muda Melayu Sarawak pada ketika itu. Tentangan keras Muhammad Rakawi mempunyai asas yang kukuh kerana permainan gendang Melayu dikatakan diadakan hampir setiap malam, seperti yang dipaparkan oleh pengarang seperti di bawah.

“Dari semenjak pertengahan bulan Syawal bermulalah permainan “gendang perempuan” itu atau ialah permulaan bulan bagi ‘musim kulit kambing kering berbunyi’. Maka musim ini sangatlah panjangnya iaitu sampai kepada bulan Syaaban dan manakala di dalam bulan Zulhijah ialah waktu tengah jerahnya kulit kambing kering itu berbunyi hampir-hampir tiada putus malam lepas di satu rumah di lain pula” (Muhammad Rakawi, 1987: 49).

Berdasarkan petikan di atas jelas persembahan gendang Melayu menjadi hiburan masyarakat Melayu Sarawak hampir setiap malam. Aktiviti kesenian ini yang biasanya berakhir sehingga ke dinihari telah menyumbang kepada kemunduran golongan Melayu Sarawak dalam pendidikan dan pekerjaan. Kesan daripada aktiviti hiburan yang berlebihan turut dinyatakan oleh Muhammad Rakawi seperti berikut.

“Kerana dengan sebabnya pelajarannya jadi terpotong kerana otaknya yang bersih telah menjadi kotor diharu biru oleh kekuasaan kulit kambing kering. Kecergasan dan kesihatan badannya pun telah menjadi semakin luak oleh keguntungan tidur disebabkan selalu berjaga-jaga malam kerana berandang kulit kambing kering. Mukanya yang licin lecat telah menjadi cacat dan keranjinannya menghadap pekerjaan pun telah menjadi porak peranda kerana hatinya telah penuh dengan wap percintaan akan (Melati). Pendeknya semua perkara yang telah jadi itu datangnya dari permainan gendanglah” (Muhammad Rakawi, 1987: 50).

Menurut Said (2013:135), persembahan pesta gendang dan majlis joget yang boleh dilanjutkan sehingga larut malam merupakan pengaruh barat yang menjadi ikutan masyarakat Melayu Sarawak. Pada tahun 1930-an, terdapat banyak kelab dan pertubuhan yang menjadi tempat orang Melayu berhibur. Penubuhan kelab-kelab orang Melayu ini adalah kesan langsung daripada pembukaan *Sarawak Club* yang menjadi kegiatan sosial golongan Inggeris. Walaupun pengaruh barat telah lama melebar sejak kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1841, namun sikap masyarakat Melayu Sarawak sendiri yang berlebihan dalam berhibur turut menyumbang kepada kemunduran. Salin itu, kegagalan golongan tua dalam menjadi suri teladan kepada generasi muda turut menjadi penyebab keruntuhan akhlak dan kemunduran bangsanya (Achie, 1999:95). Dalam novel ini, golongan tua didapati tidak memainkan peranan yang signifikan dalam mendidik anak-anak ke arah yang lebih baik khususnya dari aspek pendidikan dan akhlak yang bersesuaian dengan ajaran Islam.

Justeru tidak hairanlah, gambaran yang terdapat dalam novel *Melati Sarawak* lebih memfokuskan kepada permainan gendang perempuan yang akhirnya mewujudkan pertembungan budaya antara budaya Melayu dengan syariat Islam. Penglibatan golongan wanita khususnya ‘anak-anak perawan’ di majlis bermukun turut dikatakan sebagai ‘musim *exhibition* (pertunjukan) bidadari dunia’. Walaupun dalam permainan ‘gendang perempuan’ terdapat pemisah iaitu tirai antara lelaki dengan wanita, namun pantun-pantun yang dijual oleh ‘seh gendang’ berupaya menjadi racun pemikat kepada pemuda yang mendengarnya dan akhirnya menjurus kepada kemaksiatan. Hal ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam seperti mana yang telah diputuskan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981, iaitu sebarang nyanyian yang mempunyai seni kata yang tidak baik, lucu, biadap, mendorong kepada maksiat, bercampur gaul lelaki dengan perempuan dan membawa kepada fitnah adalah haram (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM], 2015). Berpandukan fatwa di atas, jelas mengapa persembahan ‘gendang perempuan’ ini ditentang oleh Muhammad Rakawi dengan mengatakan ‘pekerjaan orang-orang yang membenarkan bermain gendang perempuan itu semata-mata merosakkan kehidupan anak-anak muda kita dan dengan sebab itu terjatuhlah mutunya manakala berbanding dengan anak-anak bangsa asing”.

Selain budaya ‘gendang perempuan’, novel *Melati Sarawak* turut memaparkan pertembungan dalam aspek kepercayaan. Biar pun novel ini memaparkan kemodenan hidup keluarga Pak Noraldin, namun isterinya iaitu Mak Nafsiah masih lagi mempercayai tentang pantang larang dan kepercayaan-kepercayaan karut yang berakar umbi dalam budaya masyarakat Melayu. Pertembungan kepercayaan ini wujud apabila Harun berbohong dengan mengatakan dia bermimpi ‘didatangi oleh seorang hebat dan jahat rupa badannya berbulu seperti binatang

mawas (mayas) berkuku panjang lagi kotor rupanya. Hal ini menyebabkan Mak Nafsiah menyalahkan Pak Noraldin yang membantah amalan ‘memberi makan penunggu’ sebelum mendirikan rumah tersebut.

“Nah inilah dia bapa Harun! Kata Mak Nafsiah, dari dulu sudah saya kata kepada abang tanah ini ada penunggunya kerana sudah ditilik oleh orang bermata empat (orang dukun yang bersahabat dengan hantu jembalang) siapa yang menyuruh memberi makan penunggu tanah ini dengan darah ayam hitam selasih waktu sebelum mendirikan rumah tetapi abang sangat bantahan dan tiada yakin kepada itu. Entah dia puaka itu yang telah menyakiti anak kita” (Muhammad Rakawi, 1987: 47).

Dalam ajaran Islam, kepercayaan khurafat seperti ‘memberi makan penunggu’ amat dilarang kerana boleh menjurus kepada perbuatan syirik iaitu menyekutukan Allah SWT. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat ke-48 yang bermaksud ‘Sesungguhnya Allah tidak akan mengampuni (dosa) kerana mempersekutukan-Nya (syirik), dan Dia mengampuni dosa yang selain (syirik) itu bagi siapa saja yang Dia kehendaki. Barang siapa mempersekutukan Allah, maka sungguh dia telah berbuat dosa yang besar’. Di sebelah kebimbangan Mak Nafsiah terhadap perkara karut dan kolot yang terjadi kepada Harun, pengarang turut memaparkan pertembungan kepercayaan animisme dan moden di dalam novel ini. Melalui watak Pak Noraldin, jelas memperlihatkan sisi kemodenan cara hidup sesetengah masyarakat Melayu Sarawak (khususnya golongan kaya) pada ketika itu yang lebih mempercayai perubatan moden dan insurans nyawa. Hal ini dapat diperhatikan dalam petikan di bawah.

“Hiss!” kata Pak Noraldin, “Jangan didatangkan perkara karut itu kepada telingaku...bawa lekas air panas, Nahariah! Dan cucikan darah abangmu. Kemudian tutupkan dengan kapas sementara nanti doktor sampai ke mari. Sekarang aku telefon kepadanya. Ingat baik-baik jangan taruh apa-apa ubat kerana abangmu ada masuk pertandingan umur (*life insurance*) sebarang apa penyakit yang didapatinya hendaklah diubat oleh doktor-doktor yang ada *qualification*” (Muhammad Rakawi, 1987: 47).

Selain Harun, Aminah juga berbohong kepada ibunya (Mak Jijah) dengan mengatakan bahawa dia menangis disebabkan oleh mimpi yang menakutkan. Walhal Aminah menangis disebabkan kerinduannya kepada Harun. Bagi menutup perkara sebenar, Aminah mengatakan “Aku bermimpi beramai-ramai mandi di pangkalan tiba-tiba datanglah seekor buaya besar hendak menerkam akan daku. Oleh itu aku berlari naik ke tebing dengan tangisku oleh perasaan yang sangat takut”. Mimpi Aminah yang diada-adakan itu dipercayai oleh Mak Jijah dengan mengatakan bahawa “Adapun bermimpi buaya itu memanglah suatu mimpi tiada boleh tiada datangnya kepada anak-anak dara. Ialah dinamakan mimpi ‘faraj’ kata orang tua-tua dan pada takbirnya barangkali adalah sudah orang berkira-kira hendak meminang engkau jikalau kebetulan berangkali bukan anak orang sebarang yang berkehendakan itu”.

Daripada dua peristiwa mimpi yang diada-adakan oleh Harun dan Aminah dalam novel Melati Sarawak, jelas pengarang ingin menyampaikan pesan kepada orang Melayu Sarawak agar tidak mempercayai mimpi dan amalan karut. Hal ini disebabkan kepercayaan tersebut bukan sahaja bertentangan dengan ajaran Islam malah boleh mengheret masyarakat Melayu kepada perbuatan menipu seperti Harun dan Aminah, manipulasi daripada pihak yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Tegahan berbohong dalam Islam terdapat di dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW yang bermaksud ‘Jauhilah kalian daripada sikap suka berbohong kerana berbohong akan membawa kepada perbuatan kemaksiatan, dan perbuatan kemaksiatan akan membawa ke neraka. Jika sekiranya seseorang itu sentiasa berdusta, maka kelak dia akan dicatat di sisi Allah SWT sebagai pendusta (Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-324: Hukum Tauriah Dalam Islam, 2023).

### **Pertembungan Budaya Barat**

Selain pertembungan budaya tempatan, Muhammad Rakawi Yusuf turut memaparkan pertembungan budaya Melayu dengan budaya barat dalam novel Melati Sarawak. Ketika novel ini dihasilkan, Sarawak merupakan sebuah tanah jajahan Brooke sejak tahun 1841. Walaupun pengaruh Brooke tidak mendominasi aspek budaya dan agama masyarakat Melayu, namun kesan pengaruh budaya barat dapat ditemui di dalam novel ini antaranya bahasa, pendidikan dan gaya hidup. Dari aspek bahasa, novel Melayu ini cenderung menggunakan perkataan dan istilah dari bahasa Inggeris seperti perkataan *cousin* (sepupu), *cigarette* (rokok), *sleeping suit* (baju tidur), *library* (perpustakaan), *surveyor* (juru ukur), *report* (laporan), *instruction* (arahan), *aeroplane* (kapal terbang), *qualification* (kelayakan), *life-insurance* (insurans nyawa) dan sebagainya. Perkara ini jelas membuktikan bahawa wujudnya pengaruh bahasa Inggeris dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak khususnya dalam kalangan mereka yang berpendidikan dan berkedudukan. Di sisi yang lain, pengarang tidak menunjukkan penentangannya terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam karyanya.

Dari aspek pendidikan, wujud pertembungan budaya pendidikan antara kaum Melayu dengan bukan Melayu. Dalam novel Melati Sarawak, orang Melayu digambarkan sebagai masyarakat yang ketinggalan dalam pelajaran kerana terpengaruh dengan ‘gendang perempuan’. Hanya terdapat segelintir sahaja orang Melayu yang mementingkan pelajaran dan perkara ini digambarkan melalui watak Harun yang mempunyai ‘almari tempat buku-buku bacaannya (*library*) sambil menggigit-gigit telunjuknya dan matanya lekat memerhatikan nama satu-satu buku yang ada itu’. Manakala pemuda dan pemudi Melayu yang lain digambarkan suka berhias dan berhibur di pesta gendang seperti petikan di bawah:

“Atau pada musim inilah jua patut dinamakan ‘musim *exhibition*’ (pertunjukan bidadari dunia bermula dikeluarkan di harapan mata dan telinga khalayak kerana bertanding rupa dan suara mereka itu kemudian daripada pertapaannya sebulan puasa. Pada waktu inilah mereka-mereka (anak-anak perawan) beramai-ramai menghembuskan ‘rihalassyikin’ mengandungi suatu jenis oksigen yang menyuburkan kehidupan benih pokok-pokok ‘cinta’ yang memang sudah sedia tersemadi di dalam kalbu tiap-tiap manusia sama ada laki-laki dan perempuan” (Muhammad Rakawi, 1987: 49-50).

Justeru, bagi menyelamatkan masa depan golongan muda Melayu Sarawak daripada budaya suka berhibur dan lemah dalam pelajaran, pengarang mengesyorkan agar masyarakat Melayu Sarawak menubuhkan ‘sekolah-sekolah agama bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan’ serta ‘menubuhkan persekutuan bagi anak-anak muda kita berhaluan agama’ bagi menerangkan keburukan permainan ‘gendang perempuan’ dan kepentingan pendidikan dalam memajukan bangsa Melayu.

## KESIMPULAN

Walaupun novel ini memaparkan kewujudan pengaruh budaya barat dalam kehidupan masyarakat Melayu Sarawak pada awal tahun 1930-an, namun pengarang tidak memperlihatkan pertentangan yang nyata antara budaya Melayu dan barat. Sebaliknya, sikap masyarakat Melayu Sarawak yang mudah terpengaruh dengan budaya barat dan gemar berhibur menjadi kritikan utama pengarang dalam novel ini. Pertembungan budaya ini memuncak apabila kesenian gendang Melayu Sarawak dikatakan menjadi punca kelemahan dan kemunduran orang Melayu dalam segenap lapangan. Justeru, melalui novel Melati Sarawak, pengarang didapati menyalakan obor kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu agar kembali kepada ajaran Islam yang sebenar serta mengutamakan pendidikan sebagai alat kemajuan.

## RUJUKAN

- Achie, N. (1999). Pemikiran Rakawi Yusuf dengan rujukan khusus kepada novel Melati Sarawak 1932. *Sejarah (Jurnal Jabatan Sejarah, Universiti Malaya)*, 7 (7.5).
- Al-Quran, An-Nisa 4: 48.
- Awang Pawi, A. A. (2010). Transformasi sosial dalam magnum opus Borneo: Teks dan konteks. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28 (1). pp. 83-98.
- Beden, S. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, Jilid 10, 36-56. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.4.2019>
- Beden, S. (2022). Analisis konteks peristiwa bahasa Melati Sarawak: Aplikasi Pola Kombinasi Maksim Leech (1983) & Grice (1975). *Jurnal Linguistik* Vol. 26 (1) Mei 2022 (034-057). ISSN 1823-9242
- Bibi, S., Waheed, A., & Ullah Khan, N. (2021). Study of cultural clash in Mohsin Hamid’s The reluctant fundamentalist. *Ilkogretim Online - Elementary Education Online*, 2021 Vol 20 (Issue 2): 1381-1386. [doi: 10.17051/ilkonline.2021.02.158](https://doi.org/10.17051/ilkonline.2021.02.158)
- Chunyan, C. (2017). Impact of cultural clash on Isabel’s marriage. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research (ASSEHR)*, volume 107. 297-299. <https://doi.org/10.2991/icedem-17.2017.76>
- George, M. W. 2008. *The Elements of Library Research: What Every Student Needs to Know*. Princeton: Princeton University Press. <https://doi.org/10.1515/9781400830411>.
- Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-324: Hukum Tauriah dalam Islam. (16 Disember 2023). Dimuat turun dari <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3739-irsyad-al-fatwa-siri-ke-324-hukum-tauriah-dalam-islam>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM]. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- Johns, A. (1959). The novel as a guide to Indonesian social history. *Bijdragen Tot de Taal-, Land- En Volkenkunde*, 115(3), 232–248. <http://www.jstor.org/stable/27860197>

- Juki, H. (2018). Pemikiran etika dalam pantun Melayu Sarawak. *Jurnal Peradaban Melayu* Jilid 13, 2018. 102-113. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol13.9.2018>
- Madhavan, M., Raja, G. A., Muthuraman, K., & Gnanaprakasam, V. (2019). Impact of cultural clash and cultural reorientation in Monica Ali's Brick Lane. *Journal of Xi'an University of Architecture & Technology*, Volume XI, Issue XII, 2019. 1286-1294.
- Md Yusoff, M. D., Sazan, D., Mohamed, N., & Abdul Rahim, M. N. (2020). Analisis Stilistik Dalam Teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*, Bil. 19(1), 54-74. ISSN 1675-7513
- Muhammad Rakawi, Y. (1987). *Melati Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Said, S. (2013). Melayu Sarawak sejarah yang hilang. Penerbit Universiti Malaysia Sarawak: Kota Samarahan.
- Sundram, R. S. (2014). Culture clash in things fall apart. *International Journal of Research (IJR)* Vol-1, Issue-9, October 2014. 613-616.
- Thomas, Phillip L. (1976). The first Sarawak novel: Melati Sarawak. *Sarawak Museum Journal* 24 (July - Dec. 1976) : 317-322.
- Tuah, D. (2022). Sastera rakyat daripada perspektif kearifan tempatan dan potensinya kepada pelancongan budaya di Sarawak. *Akademika* 92(2), 153-168. <https://doi.org/10.17576/akad-2022-9202-12>
- Wulandari, C. R. (2018). Cultural Clash in James' Daisy Miller. Tesis Sarjana, Universiti Hasanuddin, Indonesia.